

Belum Ada Keputusan Agihan Kerusi Antara PKR Dan DAP Di Kedah - Anwar Bernama
18 September , 2011

ALOR SETAR, 18 Sept (Bernama) -- Pimpinan pusat pakatan pembangkang akan bermesyuarat Rabu ini bagi membincangkan isu pengagihan kerusi antara Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan DAP Kedah selepas kedua-dua parti itu di peringkat negeri gagal mencapai sebarang keputusan.

Penasihat PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sehingga kini perbincangan antara kedua-dua pihak di peringkat negeri tidak mencapai sebarang keputusan, justeru perkara itu akan diputuskan oleh pemimpin di peringkat pusat.

"Masing-masing sudah kemuka pandangan dan adakan perbincangan mengenai perkara itu, kalau tak selesai peringkat negeri kita akan bawa ke peringkat jawatan kuasa pusat," katanya ketika ditemui pemberita pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri PKR Kedah, di Suka Menanti di sini.

Anwar berkata perbincangan mengenainya akan diadakan di peringkat pusat pada mesyuarat parti itu Rabu ini.

Beliau berkata, keputusan muktamad mengenai pengagihan kerusi itu hanya akan diumumkan apabila tarikh pilihan raya ditetapkan nanti.

Keputusan tidak dapat dicapai apabila DAP yang hanya bertanding dua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 2008 iaitu Kota Darulaman dan Derga, meminta empat lagi kerusi DUN daripada PKR, selain bercadang untuk bertanding dua kerusi Parlimen.

Pengerusi DAP Kedah, Lee Guan Aik sebelum ini dilaporkan berkata, parti itu bercadang untuk meletakkan calon di DUN Gurun, Bakar Arang, Lunas dan Bakar Bata, manakala dua kerusi Parlimen iaitu Alor Setar dan Padang Serai.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newspolitic.php?id=614182>